



31 Disember 2020
31 December 2020
P.U. (A) 394

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KOPERASI (PENGECUALIAN) 2020

CO-OPERATIVE SOCIETIES (EXEMPTION) ORDER 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH KOPERASI (PENGECUALIAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 87(1) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Pengecualian) 2020**.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan semua koperasi daripada mengadakan mesyuarat agung tahunan anggota atau perwakilannya menurut subseksyen 39(1) Akta semasa tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 yang tidak mungkin untuk diadakan disebabkan oleh langkah-langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] untuk mengawal atau mencegah merebaknya penyakit COVID-19.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) apa-apa akaun perdagangan dan untung rugi, penyata, kunci kira-kira, laporan berkenaan dengan kedudukan hal ehwal koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang dikehendaki untuk dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan bagi tahun 2020 hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan bagi tahun 2021 tidak lewat dari enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan bagi tahun 2020;

(b) apa-apa akaun teraudit bagi tahun 2019 dan laporan juruaudit, jika ada, yang dikehendaki untuk dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat agung tahunan bagi tahun 2020 hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan bagi tahun 2021 tidak lewat dari enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan bagi tahun 2020;

- (c) apa-apa mesyuarat agung tahunan bagi tahun 2021 hendaklah diadakan menurut tatacara yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 [*P.U. (A) 422/2010*] atau apa-apa perkiraan alternatif yang ditentukan oleh Menteri melalui suatu arahan bertulis; dan
- (d) apa-apa syarat lain yang boleh dikenakan oleh Menteri melalui suatu arahan bertulis.

Dibuat 31 Disember 2020
[SKM.IP (AM)7880 SJ. 1 JLD 4; PN(PU2)527/XX]

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

CO-OPERATIVE SOCIETIES (EXEMPTION) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 87(1) of the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Co-operative Societies (Exemption) Order 2020**.

Exemption

2. The Minister exempts all co-operative societies from holding an annual general meeting of members or delegates pursuant to subsection 39(1) of the Act during the period from 18 March 2020 to 31 December 2020 which is not possible to be held due to measures prescribed, made or taken under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342] to control or prevent the spread of COVID-19 disease.

Conditions for exemption

3. The exemption under paragraph 2 is subject to the conditions as follows:

- (a) any trading and profit and loss accounts, statement, balance sheet, report with respect to the state of affairs of the co-operative society and its subsidiary, if any, which are required to be laid before the annual general meeting for the year 2020 shall be laid before the annual general meeting for the year 2021 not later than six months after the close of the financial year for the year 2020;
- (b) any audited account for the year 2019 and audited report, if any, which are required to be laid and approved before the annual general meeting for the year 2020 shall be laid before the annual general meeting for the year 2021 not later than six months after the close of the financial year for the year 2020;

- (c) any annual general meeting for the year 2021 shall be held in accordance with the procedures provided in the Co-operative Societies Regulations 2010 [P.U. (A) 422/2010] or any alternative arrangements determined by the Minister by a written directions; and
- (d) any other conditions that may be imposed by the Minister by a written directions.

Made 31 December 2020
[SKM.IP (AM)7880 SJ. 1 JLD 4; PN(PU2)527/XX]

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives